



JABATAN BENDAHARI

Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld VIII
Tarikh : 27 Disember 2005



PEKELILING BENDAHARI BIL.17/2005

Semua Pelajar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/Saudari,

PENGUATKUASAAN BAYARAN YURAN MELALUI CHANNEL-e

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa mulai Semester 2 Sesi 2005/2006, semua pemegang akaun Bumiputra Commerce Bank Berhad (BCBB) dikehendaki menjelaskan semua yuran melalui Channel-e, BCBB. Pemegang akaun bank lain masih dibenarkan untuk menjelaskan yuran sepertimana biasa sebelum ini.

Jabatan Bendahari juga akan menguatkuasakan tindakan menghalang pelajar dari menduduki peperiksaan atau mendaftar di semester berikutnya sekiranya gagal menjelaskan yuran-yuran selewat-lewatnya pada 30 Januari 2006 bagi pelajar pasca-siswazah dan 13 Februari 2006 bagi pelajar pra-siswazah.

Kerjasama saudara-saudari di atas perkara ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM.
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM
 - Dekan, Pusat Pengajian Siswazah, UKM
 - Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik, UKM
 - Timbalan Pendaftar, Hal-ehwal Pelajar, UKM